



AMALAN ETIKA PROFESION PERGURUAN DI KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG MELAYU, KULAI JOHOR. SATU TINJAUAN

YAHYA BUNTAT¹ & ZAINUDDIN MASROM²

Abstrak. Kajian berbentuk tinjauan ini dilakukan untuk melihat amalan etika profesion perguruan di kalangan 48 orang responden guru-guru Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kulai, Johor. Aspek etika profesion perguruan yang dilihat dalam kajian ini adalah perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab guru terhadap pelajar, tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara, tanggungjawab guru terhadap rakan sejawat dan profesion dan tanggungjawab guru terhadap ibu bapa. Maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden dan dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati guru-guru sekolah ini keseluruhannya telah mengamalkan etika profesion perguruan dalam aspek yang dikaji. Berdasarkan dapatan kajian ini beberapa cadangan dikemukakan untuk meningkatkan lagi tahap amalan etika profesion perguruan di kalangan guru-guru secara amnya.

Kata kunci: etika profesion perguruan, martabat profesion

1.0 PENGENALAN

Matlamat utama pendidikan di Malaysia ialah untuk menampung keperluan tenaga kerja dan mencapai perpaduan negara melalui perkembangan individu yang bersepadu dan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Bagi menyempurnakan hasrat FPK ini, para guru telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik bukan sahaja dari segi penyebaran ilmu bahkan dalam pembentukan sahsiah anak didiknya. Generasi yang berilmu dan berakhhlak tinggi dapat melahirkan bangsa yang bertamadun. Pihak pentadbir dan perancang sentiasa mengharapkan agar guru mempunyai cita-cita unggul iaitu membina masyarakat yang bertamadun tinggi.

Apabila FPK dihayati, guru harus sedar bahawa mereka sebenarnya memikul tanggungjawab yang amat berat. Guru perlu mencerahkan ilmu sama ada pelajarnya mahu atau tidak mahu menerimanya. Di samping itu, mereka harus peka dengan perubahan semasa dan menyesuaikannya secara bijak bagi menangani masalah pengajaran dan pembelajaran terutama yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Pada amnya, guru perlu pakar atau profesional dalam segala bidang. Untuk menjadi guru yang profesional, seseorang guru itu harus menekankan tiga aspek penting dalam dirinya iaitu kepakaran, pengetahuan dan pembentukan sahsiah (Robiah, 1998).

^{1&2}Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Tel: 607-5534411 e-mail: yahya@fp.utm.my



Mereka bukan sahaja berkemahiran mengajar dan mengembangkan ilmu, malah sikap, tingkah laku dan disiplin diri harus dibentuk ke arah profesional.

Kementerian Pendidikan telah berusaha sejak dahulu lagi untuk menjadikan bidang perguruan ini sebagai satu kerjaya yang profesional. Laporan Suruhanjaya Diraja Mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat (Laporan Aziz, 1971), telah mencadangkan supaya diadakan Etika Profesional Perguruan (EPP) bagi Pembentukan Tatasusila Guru. Semua guru yang telah memperolehi sijil perguruan perlu mematuhiinya. Namun begitu sehingga ke hari ini kita masih lagi mendengar berita-berita yang tidak menyenangkan baik dari segi tindakan atau hukuman terhadap pelajar yang melampau mahupun salah laku guru sendiri yang mencalar kewibawaan profesi perguruan ini. Dalam usaha untuk memastikan martabat pendidikan terus terpelihara dan tidak terpinggir dalam perubahan arus zaman, Etika Profesional Perguruan (EPP) harus dikaji semula (Najib, 1977).

Pengamalan EPP di kalangan guru-guru adalah penting demi menjamin martabat profesi perguruan sentiasa dipandang mulia di mata masyarakat. Kejayaan dan pencapaian matlamat pendidikan berkait rapat dengan kesedaran guru terhadap tanggungjawabnya sebagai pendidik selaras dengan EPP yang telah dimaktubkan dalam bentuk ikrar tercetak di halaman hadapan buku persediaan mengajar seperti berikut;

“Kami guru Malaysia, yakin bahawa tujuan utama pendidikan ialah berusaha menuju ke arah pembentukan warganegara yang berilmu, yang taat setia, yang bertanggungjawab dan berkebolehan....

*.... dengan menyedari betapa **besarnya tanggungjawab** membimbing anak muda untuk mencapai kemajuan sepenuh-penuhnya, maka dengan ini kami menerima tatasusila berikut sebagai panduan.*

Dari penyataan ikrar dan kod EPP di atas, guru sesungguhnya mempunyai beban yang berat untuk dijayakan. Sepanjang pengetahuan pengkaji, kajian mengenai pengalaman EPP di kalangan guru-guru di negara ini adalah terlalu sedikit. Pengkaji merasakan perlu meneruskan usaha ini bagi menambahkan hasil dapatan kajian. Hasil kajian ini kelak diharapkan dapat memberi gambaran terhadap amalan EPP di sekolah dan juga dapat mengenal pasti pelbagai usaha yang dapat membantu para guru mengamalkan EPP secara berterusan.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara amnya kajian ini ingin mengetahui sejauh manakah guru-guru SRK Kg. Melayu Kulai bertanggungjawab melaksanakan amalan EPP yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk meninjau;



- (i) Sejauhmanakah guru-guru SRK Kg. Melayu, Kulai bertanggungjawab terhadap pelajarnya.
- (ii) Sejauhmanakah guru-guru SRK Kg. Melayu, Kulai bertanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesionnya.
- (iii) Sejauhmanakah guru-guru SRK Kg. Melayu, Kulai bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negaranya.
- (iv) Sejauhmanakah guru-guru SRK Kg. Melayu, Kulai bertanggungjawab terhadap ibu bapa.

3.0 METODOLOGI

Populasi dalam kajian ini adalah guru-guru SRK Kg. Melayu Kulai, Johor. Pemilihan sampel kajian adalah berpandukan formula yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Sampel-sampel ini dipilih secara rawak mudah yang dilakukan ke atas populasi. Seramai 48 orang guru yang terpilih dijadikan sampel dalam kajian ini untuk memberi respon kepada soal selidik yang diedarkan.

Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item demografi responden. Bahagian B pula mengandungi 25 item yang dipecahkan kepada empat aspek berdasarkan kepada objektif kajian yang ingin dikaji. Amalan etika dan tanggungjawab guru-guru ini diukur menggunakan skala Likert yang mempunyai skala daripada 1 – Tidak Setuju hingga 5 – Amat Setuju. Kerja-kerja pengumpulan data dikendalikan sendiri oleh penyelidik. Data-data yang diperolehi diproses menggunakan SPSS 7.5 for Windows dan dianalisis dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

4.0 KEPUTUSAN KAJIAN

Berikut dibentangkan dapatan kajian.

4.1 Maklumat Responden

Seramai 30 (62.5%) responden adalah terdiri daripada guru lelaki dan 18 orang (37.5%) adalah guru perempuan. Dari jumlah tersebut didapati seramai 38 orang (79.2%) adalah terdiri daripada mereka yang telah berkeluarga dan selebihnya iaitu seramai 10 (20.8%) adalah mereka yang masih bujang. Dari segi pengalaman mengajar sebanyak 37.5% orang responden mempunyai pengalaman mengajar melebihi 11 tahun, 4.2% berpengalaman mengajar melebihi 21 tahun dan 41.6% responden berpengalaman mengajar antara 5 hingga 10 tahun. Dari segi taraf pendidikan seramai 83.3% sampel mempunyai Sijil Perguruan Asas, manakala 4.2% mempunyai lain-lain kelayakan. Keseluruhan responden juga menyatakan mereka telah didedahkan secara langsung terhadap Etika Profesional Perguruan (EPP).

*Objektif Kajian 1: Tanggungjawab Guru Terhadap Pelajarnya***Jadual 1** Tanggungjawab Guru Terhadap Pelajar

Bil	Item Soalan	Tak Setuju		Tak Pasti	Setuju	
		KS	TS	TP	S	AS
4	Saya harus bersedia mengadakan Kelas tambahan untuk kepentingan muridnya	1	2	2	15	28
			3	2	43	
			6.25%	4.16%	89.6%	
8	Saya sentiasa membimbang pelajar mengembangkan potensi rohani mereka	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	1	14	33
			-	1	47	
				2.1%	97.9%	
9	Kepentingan pelajar lebih penting dari pada kepentingan diri sendiri	KS	TS	TP	S	AS
		2	-	1	24	21
			2	1	45	
			4.16%	2.08%	93.8%	
17	Saya membimbang pelajar mengembangkan potensi intelek mereka	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	6	18	24
			-	6	42	
				12.5%	87.5%	
20	Maklumat pelajar adalah sulit dan tak perlu diheboh-hebohkan	KS	TS	TP	S	AS
		1	1	1	13	32
			2	1	45	
			4.16%	2.08%	93.8%	
	Purata		1.4	2.2	44.4	
			2.9%	4.5%	92.5%	

Berdasarkan Jadual 1, kajian ini mendapati bahawa purata keseluruhan dalam aspek tanggungjawab guru terhadap pelajar menunjukkan bahawa keseluruhan responden mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap pelajarnya iaitu dengan mendapat peratusan persetujuan (92.5%).

Objektif Kajian 2: Tanggungjawab Guru Terhadap Rakan Sejawat dan Profesyon

Berdasarkan Jadual 2, purata peratusan bagi aspek tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion menunjukkan lebih kurang (86.8%) responden memberi persetujuan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap rakan sejawat dan profesion. Perkara ini disokong dengan dapatan item 14, 12, dan 1 yang

**Jadual 2** Tanggungjawab Guru Terhadap Rakan Sejawat dan Profesion

Bil	Item Soalan	Tak Setuju		Tak Pasti	Setuju	
		KS	TS	TP	S	AS
1	Saya berpakaian kemas dan rapi mengikut landasan agama	-	-	2	16	30
			-	2	46	
				4.2%	95.8%	
2	Saya berbangga diberi kenaikan pangkat berdasarkan kecekapan saya	KS	TS	TP	S	AS
		1	2	7	16	22
		3		7	38	
		6.25%		14.58%	79.1%	
3	Saya sering memohon untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	12	12	24
		-		12	36	
				25%	75%	
12	Saya selalu beusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	1	19	28
		-		1	47	
				2%	98%	
13	Adalah tidak wajar untuk menegur rakan sejawat secara tidak sopan	KS	TS	TP	S	AS
		2	1	1	14	30
		3		1	44	
		6.25%		2%	91.6%	
14	Saya sentiasa mengamalkan tingkah laku bermoral dalam profesion perguruan	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	-	21	27
		-		-	48	
					100%	
16	Sikap amanah sangat penting untuk menguruskan kewangan sekolah	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	7	14	27
		-		7	41	
				14.5%	85.5%	
18	Hubungan interpersonal yang baik di kalangan guru-guru menjamin keberkesanan P&P	KS	TS	TP	S	AS
		1	2	9	15	21
		3		9	36	
		6.25%		18.7%	75%	
	Purata		2.3%	10.8%	86.8%	

masing-masing mendapat peratusan yang tinggi. Walaupun begitu terdapat peratusan yang agak rendah bagi item 3 dan 18 dengan peratusan sebanyak 75%.

**Jadual 3** Tanggungjawab Guru Terhadap Masyarakat dan Negara

Bil	Item Soalan	Tak Setuju		Tak Pasti	Setuju	
		KS	TS	TP	S	AS
5	Sebagai menghadiri mesyuarat PIBG walau sebagai ahli biasa	-	1	3	24	20
			1	3	44	
			2.08%	6.2%	91.6%	
7	Saya bersikap adil tanpa mengira agama bangsa dan keturunan	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	1	20	27
			-	1	47	
10	Saya bersikap adil tanpa mengira latar belakang dan kedudukan keluarga	KS	TS	TP	S	AS
		2	-	3	20	23
			2	3	43	
11	Saya memberikan sepenuh perhatian dalam pengajaran tanpa mengira kaum	KS	TS	TP	S	AS
		2	1	2	26	17
			3	2	43	
15	Saya sering menasihati pelajar saya, agar menghargai harta awam	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	9	12	27
			-	9	39	
23	Saya akan menerapkan nilai taat setia kepada negara dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas	KS	TS	TP	S	AS
		2	-	2	15	29
			2	2	44	
24	Dalam [proses P&P saya mementingkan nilai-nilai moral]	KS	TS	TP	S	AS
		-	-	1	14	33
			-	1	47	
Purata		0.4	1%	3	44.6	92.2%

Objektif Kajian 3: Tanggungjawab Guru Terhadap Masyarakat dan Negara

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 3, responden memberikan komitmen yang tinggi berhubung dengan tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Ini dibuktikan dengan kesemua item soalan mendapat



peratusan melebihi 80 persetujuan responden. Manakala bagi keseluruhan dapatan pula purata peratusan menunjukkan sejumlah 92.2% responden bersetuju mereka mengamalkan perlakuan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Objektif Kajian 4: Tanggungjawab Guru Terhadap Ibu Bapa

Jadual 4 Tanggungjawab Guru Terhadap Ibu Bapa

Bil	Item Soalan	Tak Setuju		Tak Pasti	Setuju		
		KS	TS	TP	S	AS	
6	Saya akan memaklumkan kepada ibu bapa pelajar sekiranya anak mereka tidak hadir ke sekolah selama tiga hari berturut-turut	-	-	1	18	29	
				1	47		
				2%	98%		
19	Saya sedia berbincang dengan ibu bapa bagi membantu menangani masalah anak yang sering melanggar disiplin sekolah	KS	TS	TP	S	AS	
		-	-	-	20	28	
				-	48	100%	
21	Saya ada meluangkan sedikit masa untuk berkunjung ke rumah keluarga pelajar bagi merapatkan hubungan persahabatan	KS	TS	TP	S	AS	
		1	2	1	24	20	
		3		1	44		
		6.25%		2%	91.6%		
22	Saya sedia melaporkan masalah salah laku pelajar kepada ibu bapa mereka untuk diambil tindakan segera	KS	TS	TP	S	AS	
		-	-	-	17	31	
				-	48%	100%	
23	Saya menjadi pengganti ibu bapa di sekolah	KS	TS	TP	S	AS	
		2	2	3	14	27	
		4		3	41		
		8.3%		6.25%	85.5%		
Purata		1.4		0.7	45.6		
		2.9%		1.4%	95.2%		

Jadual 4 pula melaporkan amalan tanggungjawab responden terhadap ibu bapa. Dari pada analisis kajian yang dijalankan, responden mempunyai tanggungjawab yang baik terhadap ibu bapa dengan peratusan persetujuan keseluruhan sebanyak 95.2%. Bagi item-item tertentu seperti item 22, dan 25, mendapat persetujuan 100% daripada responden. Secara amnya memang responden mempunyai amalan dan sikap tanggungjawab terhadap ibu bapa pelajar bagi merapatkan hubungan antara pihak sekolah dan juga masyarakat.



5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa guru-guru di SRK. Kg. Melayu, Kulai Johor ini telah mengamalkan etika profesi perguruan yang merangkumi aspek tanggungjawab guru terhadap pelajar, tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara, tanggungjawab guru terhadap rakan sejawat dan profesi perguruan serta tanggungjawab guru terhadap ibu bapa. Dapatan kajian ini menunjukkan seramai 92.5% guru bertanggungjawab terhadap pelajar, 91.6% guru bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara, 86.8% guru bertanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesi perguruan dan 95.2% guru bertanggungjawab terhadap ibu bapa. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa guru-guru sangat mengambil berat terhadap pelajar-pelajarnya kerana mereka percaya tugas mendidik para pelajar adalah amat berat dan tidak boleh diambil sambil lewa sahaja. Ini bersesuaian dengan kenyataan Imam Ghazali (1980) dalam buku Ihya Ulumiddin yang berbunyi “dan rosaklah pemimpin kerana guru yang jahat”, dan katanya lagi dua golongan manusia yang penting dan berpengaruh dalam masyarakat ialah guru dan pemerintah negara.

Walaupun dapatan kajian ini secara keseluruhan menunjukkan guru-guru telah mengamalkan etika profesi perguruan seperti yang diharapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, namun kedapatan juga segelintir guru bertindak dan berpelakuan tidak wajar terhadap para pelajarnya yang sedikit sebanyak telah mencemarkan nama baik profesi perguruan. Kenapakah perkara ini boleh berlaku? Dan siapakah yang harus di persalahkan dalam hal ini? Bagi meningkatkan lagi amalan etika profesi perguruan yang telah diamalkan oleh guru-guru tersebut, pengkaji mencadangkan agar:

- (i) Pihak pentadbir hendaklah meneruskan usaha menyemai nilai-nilai murni seperti sikap kasih sayang kepada seluruh keluarga di sekolah meliputi guru-guru dan kakitangan sekolah serta para pelajarnya.
- (ii) Pihak pentadbir juga hendaklah sentiasa memberi perhatian dan juga memastikan guru sentiasa sedar akan peranannya dan tanggungjawab mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- (iii) Guru perlu prihatin terhadap pelajar dan juga bersikap adil kepada semua pelajar serta mewujudkan suasana muhibah tanpa melihat kepada perbezaan kaum, agama dan status ekonomi di kalangan pelajarnya.
- (iv) Guru perlu sentiasa menunjukkan sahsiah yang baik dan boleh menjadi model kepada pelajar kerana setiap tingkah laku seseorang guru itu mudah menjadi ikutan pada pelajarnya. Selain ibu bapa di rumah, gurulah orang yang paling dekat dengan para pelajar.



RUJUKAN

- Alias Baba. 1997. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asnah Abd. Hamaid. 1996. *Nilai dan Etika Profesional dalam Perkhidmatan Pendidikan*. Pengurusan Pendidikan 05(02): 29-39.
- Imam Ghazali. 1980. *Ihya Ulumiddin*. Indonesia: Percetakan Menara Kudus.
- Krejcie, R. V. & D. W. Morgan. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Najib Tun Razak. 1971. *Kod Etika Perguruan Kita Sudah Profesional*. Utusan Malaysia, 07 Mei 1995.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. 1991. *Pengesahan Budaya Sekolah*. Jurnal Pendidikan 35: 34.
- Rashidi Azizan & Abdullah Mohd. Noor. 1994. *Pendidikan Guru: Cabaran, Falsafah dan Strategi dalam Pembentukan Guru yang Unggul*. Kajang: Masa Enterprise.
- Robiah Sidin. 1998. *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Salant, P. & D. A. Dillman. 1994. *How To Conduct Your Own Survey*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'aini Dan. 1992. *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ulmu.

